

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Malaysia mampu capai status berpendapatan tinggi 2026

Malaysia mampu capai status berpendapatan tinggi 2026

Pertumbuhan ekonomi, kadar tukaran asing faktor penentu pacu prestasi negara

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berupaya untuk mencapai negara berpendapatan tinggi seawal 2026 jika pertumbuhan ekonomi tahunan negara kekal berkembang sekitar antara empat hingga lima peratus.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata mencapai status negara berpendapatan tinggi bergantung kepada dua perkara iaitu pertumbuhan ekonomi dan kadar tukaran asing.

Beliau berkata, jika ekonomi negara kekal berkembang sekitar empat hingga lima peratus, negara akan berada dalam landasan baik mencapai status negara berpendapatan tinggi seawal 2026.

Malah, katanya, jika pertumbuhan lebih bagus lagi iaitu mele过i

lima peratus, negara boleh mencapai status itu dalam tempoh dua tahun.

"Faktor kedua adalah tukaran asing memandangkan paras negara berpendapatan tinggi adalah dalam dolar iaitu AS\$15,200. Kalau mata wang lebih kukuh, sudah tentu lebih awal boleh capai."

"Insya-Allah, kalau terus begitu (ekonomi berkembang empat hingga lima peratus), Malaysia akan capai negara berpendapatan tinggi pada penggal ini (Kerajaan Perpaduan)," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi Malaysia di Putrajaya semalam.

Mengenai prestasi ekonomi 2022, Rafizi berkata, Malaysia mencatatkan pertumbuhan Kehuatan Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan sebanyak 8.7 peratus pada 2022, yang mana prestasi ekonomi itu adalah membarringsangkan dan mencerminkan daya tahan ekonomi negara.

Namun, beliau berkata, pertumbuhan tahunan yang baik itu perlu dilihat bersama dengan pertumbuhan suku dari suku pertama 2022 hingga suku keempat 2022 untuk memberi gambaran perihal prestasi ekonomi negara.

"Suzana ekonomi global yang dijangka menyederhana dan tumbuh pada kadar yang lebih perlahan dalam tahun 2023 akan mempengaruhi prestasi ekonomi negara."

perlahan dalam tahun 2023 akan mempengaruhi prestasi ekonomi negara.

"Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka lebih perlahan pada kadar 2.9 peratus dalam tahun 2023 berbanding 3.4 peratus dalam tahun 2022," katanya.

Rafizi berkata, dalam keadaan pertumbuhan ekonomi global yang dijangka lebih perlahan dalam tahun ini dan pertumbuhan sukuuan yang perlahan selama empat suku berturut-turut dalam tahun 2022, kerajaan sedar keperluan untuk bersiap sedia menghadapi suasana ekonomi yang lebih mencabar.

Beliau berkata, program ekonomi yang memberi fokus kepada dua perkara pokok ekonomi

rakyat, iaitu kos sara hidup dan pendapatan, akan diberi tumpuan utama dalam perancangan ekonomi.

"Kementerian Ekonomi akan melancarkan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang bertujuan menambah pendapatan rakyat pada 26 Februari 2023.

Sasaran pertama IPR adalah golongan miskin, tegar dan keluarga B40 di seluruh negara," katanya.

Selaras dasar penggalian
Sementara itu, Rafizi berkata dasar berkaitan penggalian rakyat akan dibawa ke mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bulan depan yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, dasar membabitkan gaji perlu diselaraskan ke arah satu sasaran pertumbuhan gaji yang menyeluruh untuk semua golongan pekerja.

Katanya, kementerian beliau akan mengimbangi tumpuan untuk menstrukturkan ekonomi negara dengan keperluan rakyat berhubung kos sara hidup dan gaji yang lebih baik dalam merangka perancangan ekonomi.

"Penetapan dasar besar ekonomi seperti gaji (dan) struktur ekonomi, membabitkan semua peringkat. Ia mengambil sedikit masa kerana kita perlu pastikan labat urus, kita perlu bincang sektor swasta dan kita perlu mengharmonikan dengan peraturan yang ada.

"Proses ini mengambil sedikit masa sekurang-kurangnya beberapa bulan sebelum keputusan dibuat," katanya.

Rafizi berkata, paras gaji rakyat di negara ini masih belum sampai ke peringkat sepulutnya, yang mana rakyat boleh menikmati gaya hidup lebih baik.

Justeru, beliau berkata, kementerian akan memastikan program ekonomi yang dilaksanakan bukan saji membantu rakyat dengan menambah pendapatan, juga membalik struktur ekonomi.

• Suasana ekonomi global yang dijangka menyederhana dan tumbuh pada kadar yang lebih perlahan dalam tahun 2023 akan mempengaruhi prestasi ekonomi negara.

Rafizi Ramli,
Menteri Ekonomi

